

TEKNIK MENJAWAB SOALAN KESUSASTERAAAN MELAYU (Cerpen, Drama, Novel, Cereka Klasik)

1. Tema – Persoalan Pokok/ Utama Sesuatu Cerita.

- apa tema
- siapa watak utama
- apa yang berlaku
- dimana dan bagaimana kesudahannya.

2. Persoalan - Perkara Yang Disentuh Selain Persoalan Utama.

- persoalan percintaan
- persoalan kehidupan
- persoalan kemasyarakatan
- persoalan keagamaan.
- persoalan kekeluargaan.

3. Plot -Maksud - Jalan Cerita/Jalinan Cerita Hasil Rentetan Peristiwa Oleh Sebab Dan Akibat.

- Struktur plot-permulaan (eksposisi), perkembangan, kemuncak (klimaks), kesudahan (penyelesaian).
- Teknik Plot- cara pengarang mengembangkan plot- dialog, monolog, imbas muka, imbas kembali, pemerian, kejutan, saspens, konflik.

4. Watak Dan Perwatakan.

- soalan tanya watak shj- fizikal + sifat tanpa contoh
- soalan tanya watak dan perwatakan- fizikal + sifat + contoh sekali.
- jenis watak- watak utama (protagonis), watak lawan (antagonis), watak penting, watak sampingan, watak statik.

* soalan perbandingan watak- mesti buat perbandingan terus / langsung.

Cth Ikram seorang yang baik hati dan penyayang manakala Ramli seorang yang berhasad -dengki. Contohnya-----

5. Citra / Gambaran / Suasana Masyarakat

- masyarakat desa/kota
- kegiatan ekonomi.
- agama, adat resam.
- unsur / sikap masyarakat baik atau jahat.

Contoh jawapan- masyarakat yang digambarkan ialah masyarakat desa yang hidup aman damai dan saling bantu membantu dan masih berpegang pada adat resam. Umpamanya gambaran kesatuan hati orang kampung semasa menyambut kedatangan pegawai daerah iaitu Encik Jalil serta Ikram ke Kampung Penarik dengan paluan kompang. Pendudukan kampung menjadikan pertanian sebagai punca rezeki mereka.

Selain itu terdapat segelintir masyarakat yang mementingkan kebendaan atau materialistik serta hanya memikirkan kepentingan peribadi sahaja. Ini dapat dibuktikan tindakan Tok Leman yang menipu tanah orang kampung terutamanya tanah ayah Ikram.

6. Teknik Penceritaan / Pemerian. Isi jawapan ialah

- * Dialog- definisi + contoh
- * Monolog dalaman dan luaran – definisi + contoh.
- * Imbas kembali-definisi + contoh
- *Imbas muka- definisi + contoh
- * Pemerian langsung- defenisi + contoh

7. Nilai Kemanusiaan = Nilai murni - nilai yang baik-baik sahaja.

- * nilai mesti di hadapan.
- * Contoh – Nilai kasih sayang, nilai tolong –menolong, nilai keberanian, nilai hormat-menghormati, nilai kejujuran, nilai kerajinan, nilai kesyukuran, dll

8. Unsur Islam- perkara atau unsur yang berkaitan dengan agama Islam.

9. Amanat = Pengajaran = Mesej = Perutusan- perkara yang dapat diambil tauladan

- * Perkara suruhan- Kita hendaklah, kita seharusnya, kita eloklah, mestilah dll.
- * Perkara larangan- Kita janganlah, kita usahlah, kita hindarilah dll

Cth- Kita hendaklah mengamalkan sikap tolong-menolong antara satu sama lain supaya aman damai.

Cth- Kita janganlah bersikap tamak haloba dan dengki antara satu sama lain.

10. Nilai Masyarakat- Nilai Positif Dan Nilai negatif.

- * nilai masyarakat yang penyayang, nilai masyarakat yang prihatin dll
- * nilai masyarakat yang iri hati, nilai masyarakat yang tamak haloba dll

11. Soalan Petikan.- petikan diambil dari mana-mana cerpen, novel, drama, cerita klasik.

Contoh soalan yang sering ditanya ialah

- * Siapakah yang menutur dialog di atas?
- * Di manakah kata-kata itu diucapkannya?
- * Bilakah kata-kata itu diucapkan.
- * Apakah peristiwa yang menyebabkan kata-kata itu dituturkannya?
- * Apakah peristiwa selanjutnya yang berlaku selepas itu?
- * Huraikan gaya bahasa petikan tersebut?
- * Jelaskan unsur pengajaran yang ada dalam petikan tersebut?
- * Jelas dan huraikan watak-watak tersebut?

12. Soalan Yang Menanyakan Sudut Pandangan.

- * Sudut Pandangan Orang Pertama- pengarang gunakan perkataan –Aku.
- * Sudut pandangan Orang Ketiga- Tidak Terbatas- gunakan perkataan dia / mereka(pengarang bertindak serba tahu semua watak)
Terbatas- tumpuan lebih watak tertentu dan terbatas pada watak lain.
- * Sudut Pandangan Objektif- pengarang sampaikan cerita berdasarkan apa didengar dan dilihat.

INGAT !!!!! TANPA CONTOH TIADA MARKAH

TEKNIK MENJAWAB SOALAN PUISI KESUSASTERAAN MELAYU (Sajak,Puisi Klasik).

1. Soalan Yang Bertanya Jenis Puisi.

- * Contoh jawapan- jenis puisi di atas ialah Pantun Empat Kerat Adat.
 - jenis puisi di atas ialah Seloka Sikap Si Lalai.
 - jenis puisi di atas ialah Gurindam Dua Belas Fasal Ke Lima.
 - Dan lain-lain bergantung petikan soalan yang ditanya.

2. Soalan Yang Bertanya Bentuk (RABA PASURI)

RA- Bilangan Rangkap
BA – Bilangan Baris
PA- Bilangan Patah Perkataan.
SU- Bilangan Suku Kata.
RI- Rima Akhir.

Kesimpulannya bentuknya BEBAS atau TERIKAT.

3. Soalan Yang Bertanya Nada Sajak

- * Melankolik(sedih).
- *Romantik (gembira, aman damai).
- *Patriotik (bersemangat).
- *Protes (penentangan).
- *Sinis (hati kurang senang).

4. Gaya Bahasa- cara pengarang menggunakan bahasa untuk menyampaikan cerita.

- * Pemilihan kata (diksi)- puitis, dan senang difahami. Contohnya-----
- * Pemilihan ayat (sintaksis) – pendek atau panjang dan mudah difahami. Contohnya----
- * Perlambangan(simbolik)- cth zaman berkabung bermaksud zaman penjajahan
(Burung-Burung Dipuncak Gunung).
- * Personifikasi-Pemberiaan sifat manusia kepada objek / konsep tertentu. Cth Sintang betina berada dalam sarang membelai-belai anaknya.

- * Similie- Perbandingan sesuatu benda , suasana. Menggunakan bak, bagai, umpama, seperti dll
- *Metafora- perbandingan benda+benda / benda + konsep(idea) cth ‘Desa kelahiran’
- * Pengulangan(Repitasi) – anafora(awal), epifora(akhir), responsi (tengah).
- *Hiperbola – Pernyataan yang menggambarkan berlebih-lebihan.Cth ‘bahang dendam dalam dadanya marak menyala’
- * Hybrid –Dua perkataan digabungkan menjadi satu.Cth kota teguh menjadi ‘kotateguh’.
- * Sinkof – pengguguran suku kata sesuatu perkataan.Cth Ibumu, kekasihku,

5. Unsur Keindahan Sajak

- * Asonansi- Pengulangan huruf vokal (a, e, i, o, u).
- * Aliterasi- Pengulangan huruf konsonan (b, j, k, l, m, n, p, r, dll)
- * Imej cth-----
- * Hybrid cth-----
- *Hiperbola cth-----
- * Metafora cth -----
- * Similie cth -----
- * Personifikasi cth-----
- * Dll iaitu sama dengan gaya bahasa

6. Soalan Tentang Unsur Bunyi – 3 unsur sahaja

- * Pola rima.
- * Asonansi.
- * Aliterasi.

7. Soalan Yang Tentang Teknik Persajakan

- * Pelajar boleh memasukkan isi jawapan bentuk sajak dan gaya bahasa.

INGAT !!!!! TANPA CONTOH TIADA MARKAH

